

**Kesediaan Laluan Kerjaya dalam kalangan Pelajar Kerja Sosial  
di Universiti Kebangsaan Malaysia**

**(Readiness of Career Path among Social Work Students  
in Universiti Kebangsaan Malaysia)**

Nora Sawal<sup>1</sup>,

Khadijah Alavi<sup>\*1</sup>,

Fauziah Ibrahim<sup>1</sup>,

Nor Jana Saim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor*

\*Corresponding email:- [khadijah@ukm.edu.my]

Readiness in career can increase awareness of knowledge, skills, interests, experience, potential and personality as a professional social worker. The main purpose of this study is to explore career options of student social work to encourage career readiness level as a competent social workers. Lack of research on the issue of increasing the understanding and awareness of students in their field of study. This study was conducted by using qualitative approach based on case study. The data collection techniques were collected through structured interviews of 10 informants selected for this study using purposive sampling technique. The selected study location was at Faculty of Social Science and Humanities, UKM Bangi. The findings reveal that there are three main challenges that the student is not exposed to real social worker employment. Second, personality development as a social worker, such as communication skills, interpersonal and team work in solving individual issues. Thirdly, motivation and career paths in social work have never been disclosed to students as a competent social worker. The implication of this study suggests that the combination of teaching and learning is based on the theory and practice with government agencies to enhance workability among UKM social work graduates.

**Keywords:** readiness, UKM student, career path and social workers

Kajian lepas mendapati kadar pengangguran terus meningkat terhadap graduan lepasan IPTA sejurus tamat pengajian. Berdasarkan statistik Kementerian Pengajian Tinggi (KPM) dari tahun 2010 hingga 2015 menunjukkan graduan tidak bekerja selepas tamat pengajian adalah secara purata 31%. Pecahan mengikut tahun bagi tempoh 2006 hingga 2014 adalah seperti berikut iaitu pada tahun 2006, sebanyak 36.4% , 2007 sebanyak 30% , 2008 mula menurun sedikit iaitu 25%, Manakala, 2009

sebanyak 29.16%, 2010 ialah hampir 25.62%, 2011 pula 24.62%, 2012 sebanyak 28.57%, 2013 sebanyak 31.42%, 2014 pula 31%. Berdasarkan trend semasa menunjukkan peratusan graduan yang belum bekerja dalam lingkungan 31% dan ini menggambarkan sasaran 75% graduan bekerja selepas tamat pengajian belum dapat dicapai sepenuhnya. Dapatkan kajian exit survei UKM bagi alumni program kerja sosial tahun 2018 ialah sebanyak 38% yang mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. Majoriti alumni program

kerja sosial tidak bekerja dalam bidang kerana peluang pekerjaan sebagai pekerja sosial tidak meluas di Malaysia.

Salah satu faktor masalah pengangguran ini terus meningkat adalah disebabkan kurangnya minat dan tiada pilihan. Tidak ramai pelajar kerja sosial sanggup mendepani cabaran sebagai pekerja sosial di masa hadapan yang memerlukan kepakaran dan kemahiran tinggi. Tambahan pula, Akta Kerja Sosial masih belum lagi diwujudkan di negara ini menyebabkan pelajar hilang motivasi dalam mengharungi cabaran kesediaan kerjaya. Maka hal ini serba sedikit mempengaruhi tahap minat pelajar kerja sosial untuk meneruskan kerjaya kerja sosial setelah tamat pengajian kelak. Pelajar juga mendapat mereka tersalah memilih bidang semasa memohon universiti disebabkan ingin mendapat tempat di Universiti Kebangsaan Malaysia juga menjadi punca kepada masalah ini. Isu ini juga menyebabkan pelajar kerja sosial hilang minat untuk bersungguh-sungguh dalam mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini terbukti Berdasarkan pernyataan Abdul Ghani & Ahmad Kamil (2011), pelajar-pelajar yang memohon memasuki universiti biasanya memilih bidang pengajian yang selaras dengan minat dan kehendak mereka tetapi permasalahan timbul apabila terdapat di antara pelajar yang mengikuti kursus-kursus pengajian di universiti adalah bukan pilihan dan minat utama mereka. Oleh itu, menjadi tanggungjawab Pihak Universiti dalam memastikan pelajar kerja sosial yang mendapat tawaran dalam bidang kerja sosial adalah benar-benar berminat dalam bidang kerja sosial.

Pelajar kerja sosial perlu pendedahan awal kerjaya pekerja sosial supaya dapat memahami, meneroka dan mengkaji untuk mencari penyelesaian dalam setiap permasalahan yang timbul ketika menuntut di IPTA, terutamanya masalah-masalah

berkaitan dengan peluang kerjaya masa depan. Hal ini kerana kesediaan kerjaya semasa di peringkat universiti akan memberikan kesedaran terhadap pelajar kerja sosial dalam menceburi bidang kerjaya pekerja sosial selepas tamat belajar. Hal ini penting agar pelajar kerja sosial mendapat kepuasan dalam menceburi kerjaya pekerja sosial seperti semangat yang sangat tinggi memperjuangkan kerjaya pekerja sosial di mata masyarakat, berasa sangat seronok, puas hati serta berusaha untuk menjadikan pilihan di hati pelajar kerja sosial.

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa pemilihan kerjaya bukanlah suatu perkara yang mudah dan seseorang itu lazimnya akan dipengaruhi oleh pengetahuan serta faktor-faktor yang ada di persekitarannya semasa proses pemilihan kerjaya itu berlaku (Zairoslawanee, 2014). Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas, bagaimana strategi pelajar kerja sosial mendapat kepuasan dalam pilihan kerjaya adalah berdasarkan beberapa faktor yang mendorongkan pelajar kerja sosial itu berpuas hati untuk menceburi kerjaya sebagai pekerja sosial. Antaranya ialah faktor minat, pengetahuan, kemahiran serta pengalaman dalam kalangan pelajar kerja sosial perlu dititikberatkan bagi melahirkan pekerja sosial yang kompeten dan profesional.

Berdasarkan kajian lepas mendapati bahawa minat merupakan elemen penting dalam merangsang individu untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Menurut Abdullah (2001) keseronokan dalam kerjaya adalah satu perasaan yang wujud dalam diri seseorang disebabkan rasa suka, gembira dan bahagia dan selesa dengan sesuatu perkara yang dilakukan. Perasaan ini juga akan mempengaruhi sikap sama ada rajin dan malas dan emosi ceria mahupun tidak. Kesemua perasaan ini dapat membantu pelajar program kerja sosial apabila berada di tempat praktis kerja sosial misalnya apabila berada di

rumah kanak-kanak, di Sekolah Tunas Bakti, di taska, di Rumah Ehsan, di Pusat pemulihan, di penjara dan sebagainya. Perasaan suka atau tidak suka ini akan berhasil apabila pelajar program kerja sosial mendapat peluang untuk membuat intervensi dan program outreach semasa menjalankan praktis kerja sosial.

Faktor kurangnya pengetahuan pelajar program kerja sosial dalam bidang kerjaya sebagai pekerja sosial telah mempengaruhi kesediaan kerjaya. Pelajar kerja sosial kurang didekahkan laluan kerjaya kerja sosial terutama bidang sasaran klien di tempat kerja sebenar. Misalnya dalam mendapatkan maklumat berkaitan kelayakan latihan atau pendidikan, deskripsi tugas, faedah dan kemudahan serta peluang kenaikan pangkat dan penghargaan (Mohd Izwan et al. 2016; Frost E. et al. 2013). Isu yang lebih fundamental ialah kemampuan alumni program kerja sosial memenuhi kehendak majikan dan penerima perkhidmatan sosial dalam komuniti terutama dalam persediaan praktis kerja sosial. Adakah pensyarah dan pelajar program kerja sosial bersedia untuk pengalaman praktis di industri atau agensi yang berkaitan (Orme et al. 2009).

Pelajar kerja sosial juga kurang berpengalaman melakukan latihan amali atau praktikal di tempat kerja sebenar. Justeru ianya telah menyebabkan pelajar kerja sosial hilang keyakinan, mudah lupa, dan tidak tahu bagaimana cara mengurus situasi yang sebenarnya. Misalnya, seseorang pelajar kerja sosial tiada kemahiran dalam menghadapi situasi kanak-kanak di taska yang sedang bising, menjerit, menangis serta kekurangan dalam kemahiran kerja berpasukan dalam menghadapi sesuatu situasi kelam kabut. Hal ini juga turut dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang mendapati bahawa kelemahan dalam kemahiran seperti kelemahan komunikasi, sikap dan kurang keyakinan diri menyebabkan tahap kesediaan kerjaya menjadi rendah kepada

pelajar kerja sosial di UKM (Norida 2014). Manakala Brahim S. et al. (2016) mendapati bahawa aplikasi elemen pengetahuan, nilai dan kemahiran amat penting bagi meningkatkan kompeten pengurusan kes melalui praktis kerja sosial. Begitu dalam dalam penjagaan warga emas pelajar perlu mempunyai kompeten khusus dalam menghadapi kerenah warga emas yang mengidap penyakit kronik di institusi, hospital, rumah dan komuniti. Misalnya warga emas mudah marah jika permintaan mereka tidak dipenuhi, melepar barang, suka memaki, suka merajuk dan sebagainya. Pekerja sosial perlu mempunyai kemahiran dan etika dalam menangani kerenah warga emas seakan-akan kanak-kanak yang agak sukar dikawal (Khadijah et al. 2019). Justeru laluan kerjaya sebagai pekerja sosial bukanlah mudah, maka sejauhmanakah persediaan pelajar kerja sosial UKM mendorong tahap kesediaan laluan kerjaya dalam bidang profesi kerja sosial. Apakah universiti yang menawarkan program kerja sosial di Malaysia dewasa ini mengamalkan “fitted for practice” dalam persediaan laluan kerjaya sebagai pekerja sosial profesional, etika dan kompeten pada hari pertama sebagai pengamal pekerja sosial.

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka tahap kesediaan laluan kerjaya dalam kalangan pelajar Program Kerja Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **Metodologi**

Pendekatan kajian ini berbentuk kualitatif iaitu berpandukan kajian kes yang dapat membentuk gambaran holistik dan analisis perkataan melalui temubual berstruktur secara bertulis. Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Pengkaji menemubual informan secara berstruktur 10 orang informan telah dipilih

bagi kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan terdiri dalam kalangan pelajar kerja sosial tahun akhir bagi tahun pengajian 2019. Penganalisisan secara kualitatif digunakan untuk menguji kesignifikan dalam kajian ini. Tema-tema ini digunakan berdasarkan objektif kajian yang terbentuk. Antara tema-tema yang terbina daripada objektif kajian ialah tema data demografi informan yang merangkumi tema jantina, bangsa, agama, umur, pointer, hobi dan cita-cita. Tema yang kedua ialah kerjaya pilihan utama pelajar kerja sosial.

Data telah dianalisis secara tematik dalam kajian ini. Matlamat analisis tematik ini adalah untuk mengenal pasti tema, iaitu corak dalam data yang penting atau bermakna, serta menggunakan tema tersebut sebagai suatu yang mampu menjelaskan isu yang ingin dikaji. Oleh

itu, hasil temubual oleh informan telah membantu pengkaji meneroka kerjaya pilihan pelajar kerja sosial bagi mendorong tahap kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial di UKM.

### Dapatkan dan Perbincangan

Seramai 72 orang pelajar kerja sosial yang terdiri daripada tahun tiga telah berjaya mendapat program kerja sosial ke Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, Pelajar kerja sosial tahun tiga sesi 2018/2019, telah menjadi pemilihan sampel dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, hanya sebilangan informan sahaja yang terpilih berdasarkan kriteria dan ciri yang diperlukan dalam kajian ini. Maka, kajian akan menumpukan kepada informan yang berjaya memberi maklumat dan mencapai tahap tepu iaitu seramai 10 orang.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Pelajar kerja Sosial

<b>Informan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Bangsa/ Agama</b>	<b>Umur</b>	<b>PNGK</b>	<b>Hobi</b>	<b>Cita-cita</b>
P1	L	Melayu/ Islam	23	3.00	Melukis	Dr. Psikologi
P2	P	Melayu/ Islam	24	3.30	Tanam pokok	Pensyarah
P3	L	Melayu/ Islam	23	3.40	Permainan video	Usahawan
P4	L	India/ Hindu	23	3.25	Baca Novel	Guru
P5	P	Cina / Budha	23	3.30	Basketball	Tanam anggur
P6	P	Melayu/ Islam	23	3.28	Membaca	Guru
P7	L	Melayu/ Islam	23	2.82	Tidur	Usahawan
P8	L	Melayu/ Islam	23	3.00	Mengaji	Ustaz
P9	P	Melayu/ Islam	23	3.30	Memasak	Chef
P10	P	Melayu/ Islam	25	3.54	Menyanyi	Tiada

Jadual 1 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang begitu ketara dari segi jantina. Informan P1 hingga P10 adalah terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan. Manakala. Dari segi bangsa dan agama terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Seterusnya, dari segi umur, informan P1 hingga P10 masih dalam

lingkungan umur yang sama iaitu 23 hingga 25. Dari segi PNGK, kesemua informan memiliki pointer yang hampir sama iaitu dalam 3.00 hingga 3.6. Namun terdapat seorang informan yang memiliki pointer bawah 3.00 iaitu P6 sebanyak 2.82. Dari segi hobi kesemua informan memiliki hobi yang berbeza-beza. Manakala, dari

segi cita-cita, kesemua informan memiliki cita-cita yang pelbagai yang tidak menjurus kepada kerjaya sebagai pengamal kerja sosial.

### **Kerjaya Pilihan Pelajar Kerja Sosial**

Pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial tahun 3 menghadapi cabaran yang sangat tinggi selepas tamat pengajian. Isu pengangguran tidak asing lagi dalam kalangan pelajar IPTA, maka pelajar kerja sosial perlu mempunyai kerjaya pilihan masing-masing untuk menentukan hala tuju masing-masing. Terdapat tiga kerjaya yang menjadi pilihan dan kehendak pelajar. Antaranya ialah kerjaya dalam bidang kerja sosial, kerjaya luar bidang kerja sosial yang pelbagai.

Jadual 2: Kerjaya Informan Dalam Bidang Kerja Sosial

Bil	Kerjaya Kerja Sosial	Informan
1.	Kerja sosial Klinikal dan Hospital	4
2.	Dadah dan Pemulihan	2
3.	Pegawai Kebajikan Masyarakat	1
4.	Pegawai Akhlak	6

Berdasarkan jadual 2 mendapati bahawa hanya sebilangan sahaja yang memilih kerjaya kerja sosial sebagai pilihan kerjaya utama berbanding kerjaya lain. Antara kerjaya dalam bidang kerja sosial yang menjadi pilihan informan ialah kerjaya kerja sosial klinikal dan Hospital, Dadah dan Pemulihan, Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Akhlak. Namun begitu, hanya 4 informan sahaja yang memilih kerja sosial sebagai pilihan utama mereka.

Menurut informan 4, cabang kerjaya kerja sosial yang menjadi pilihan ialah Kerja sosial Klinikal dan Hospital. Kerjaya ini menjadi pilihan informan kerana ingin membantu masyarakat dan menangani pelbagai isu dan masalah sosial yang semakin membimbangkan dari hari ke hari.

### **a. Kerjaya berpandukan bidang kerja sosial**

Kajian ini menfokuskan kerjaya pilihan yang menjadi pilihan utama bagi pelajar kerja sosial dalam bidang kerja sosial. Berdasarkan hasil temubual berstruktur secara bertulis yang dijalankan ke atas informan mendapati bahawa terdapat pelbagai cabang kerjaya kerja sosial yang menjadi pilihan bagi pelajar kerja sosial. Antara cabang kerjaya kerja sosial yang menjadi pilihan informan ialah kerja sosial klinikal dan Hospital, dadah dan pemulihan, Pegawai kebajikan Masyarakat dan pegawai akhlak (Jadual 2).

*“..Ya.. Kerjaya kerja sosial Hospital dan Klinikal ini menjadi pilihan utama saya..Saya memilih kerjaya ini kerana minat dengan bidang kerja sosial kerana bidang ini dapat membantu masyarakat dan menyelesaikan masalah sosial yang sering berlaku dan membimbangkan..”*  
(informan 4)

Menurut Brahim S. (2016) cabaran besar menanti pengamal kerja sosial dalam alam pekerjaan mengenai pengetahuan dan kemahiran terutama perundungan dan kemampuan bekerja dalam satu pasukan dan berkolaborasi pelbagai agensi. Kerjaya pengamal kerja sosial perubatan lebih mencabar kerana klien mempunyai pelbagai masalah kesihatan, kesihatan, kewangan dan sokongan sosial bagi memenuhi kehendak dan keperluan harian. Menurut informan 2, dadah dan pemulihan menjadi salah satu kerjaya kerja sosial yang menjadi pilihan utama kerana

menurut informan bekerja di pusat dadah dan pemulihan seperti AADK akan lebih banyak dapat peluang pekerjaan. Faktor mengapa kerjaya kerja sosial ini menjadi pilihan kerana Informan tinggal di kawasan Felda yang mempunyai ramai penagih dan penduduk yang terjebak dengan dadah.

*“..Ya.. Kerjaya kerja sosial Dadah dan Pemulihan ini menjadi pilihan utama saya..Saya memilih kerjaya ini kerana faktor persekitaran di tempat tinggal saya iaitu di Felda yang mempunyai ramai penagih dadah serta penduduknya yang mudah terjebak dengan dadah. Maka, dengan bekerja di bidang kerja sosial saya dapat membantu masyarakat disekililing saya..”* (informan 2)

Perkhidmatan ini mampu membantu mengurangkan cabaran penjagaan kesihatan masyarakat melalui program psiko-sosial komuniti sehingga kualiti hidup warga felda dapat dipertingkatkan dan membantu kerajaan dalam mengurangkan masalah berkaitan dadah dan jenayah diperingkat daerah dan negeri. Pengetahuan kemahiran program psikososial boleh dikendalikan dalam komuniti merangkumi diperingkat sekolah, jawatankuasa kemajuan kampung, masjid/surau, penempatan felda/felcra dan rumah ibadat yang lain sesuai dengan keperluan budaya dan agama masing-masing. Beberapa kemahiran juga diperlukan bagi menghadapi komuniti setempat iaitu kemahiran mendengar, memahami mentafsir maklumat, pemerhatian aktif, kemahiran rundingan sehingga dapat penyelesaian konflik dalam komuniti seperti mana yang diharapkan oleh masyarakat setempat. Kemahiran komunikasi dan membina kepercayaan klien (rapport) merupakan elemen penting bagi menjayakan program psikososial dalam komuniti yang perlu diinternalisasikan oleh pelajar kerja sosial bagi menghadapi praktis kerja sosial bersama agensi dan klien dalam komuniti.

Manakala informan 6, pegawai akhlak menjadi pilihan kerjaya utama kerana minat dengan kanak-kanak dan ingin mencari pengalaman untuk mengetahui kisah disebalik yang menimpa kanak-kanak sehingga ditempatkan ke rumah kanak-kanak.

*“Kerjaya ini menjadi pilihan saya kerana saya minat dengan kanak-kanak dan ingin membantu kanak-kanak. Selain itu, saya ingin memperoleh pengalaman untuk dapat mengetahui jenis kesalahan apakah yang dikenakan terhadap kanak-kanak sehingga terpaksa tinggal di Rumah Kanak-kanak..”* (informan 6).

Ruang dan peluang kerjaya dalam bidang pengamal kerja sosial kurang meluas di Malaysia. Bahkan graduan sentiasa ditanya tentang pengalaman bekerja dalam bidang untuk menjadi pengamal kerja sosial. Minat graduan kerja sosial dan pembukaan peluang kerjaya dalam kebijakan masyarakat juga amat terhad. Berdasarkan pelbagai literatur yang dikemukakan Brahim, S. (2016) merumuskan bahawa isu latihan dan penyeliaan (coaching) dalam kalangan pengamal kerja sosial kurang memuaskan merupakan punca kegagalan kes pengurusan kanak-kanak. Seiring dengan itu, trend kes kanak-kanak terutama jenayah kekerasan, keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak semakin meningkat dengan drastik. Senario ini amat membimbangkan dan menjadi cabaran kepada cabaran utama kepada pengurus kes kanak-kanak. Pelajar telah mengemukakan minat dalam bidang kes pengurusan kanak-kanak di mana dalam realiti kerja sebenar tugas ini melibatkan pelbagai agensi iaitu hospital, jabatan kebijakan masyarakat daerah, polis, peguam dan mahkamah sehingga pusat penjagaan kanak-kanak sebagai penempatan (jika kanak-kanak berhadapan dengan risiko). Maka sejauhmanakah pelajar program kerja sosial didedahkan kepada pengalaman kerja sebenar dalam

membantu klien kanak-kanak di negara kita.

### b. Kerjaya luar bidang kerja sosial

Kerjaya dalam bidang kerja sosial bukan pilihan utama pelajar, namun terdapat juga kerjaya luar bidang kerja sosial menjadi

pilihan informan. Hal ini berikutan masalah tidak minat, tersalah mengambil jurusan semata-semata hanya untuk mendapat tempat di UKM, dan meminati bidang-bidang lain. Maka kerjaya kerja sosial tidak menjadi kerjaya pilihan utama. Antara kerjaya luar bidang kerja sosial yang menjadi pilihan utama informan ialah guru/ustaz, usahawan, chef dan polis (Jadual 3).

Jadual 3: Kerjaya Luar Bidang Kerja Sosial

Bil	Kerjaya Bukan Bidang Kerja Sosial	Informan
1.	Guru /Ustaz	8
2.	Usahawan/ Ahli perniagaan	3
3.	Chef	5
4.	Polis	9

Menurut informan 8, kerjaya kerja sosial tidak menjadi pilihan utama, sebaliknya kerjaya usahawan/ahli perniagaan yang menjadi pilihan utama. Antara faktor informan tidak meletakkan kerjaya kerja sosial sebagai kerjaya pilihan utama adalah kerana perasaan takut dan gementar untuk masuk ke institusi serta pusat perlindungan. Tambahan pula, tidak mendapat pengalaman sebenar untuk berhadapan dengan kes dan situasi sebenar.

*“ Ya..kerjaya kerja sosial tidak menjadi pilihan saya sebaliknya kerjaya pilihan utama saya ialah seorang ahli perniagaan atau usahawan. Antara faktor kerjaya kerja sosial ini tidak mendapat tempat di hati saya ialah kerana kelemahan kerja sosial dalam menjadi pilihan saya kerana disebabkan kurangnya pengalaman dan pendedahan untuk berhadapan dengan kes dan situasi sebenar apabila berhadapan dengan kes..Walaupun saya suka dengan kerjaya kerja sosial ini kerana dapat membantu masyarakat namun disebabkan kekurangan pengalaman dan kemahiran menjadikan saya takut dan gementar untuk*

*bekerja di institusi kerja sosial dan Pusat Perlindungan... ”(Informan 3)*

Manakala, menurut informan 8, kerjaya kerja sosial tidak menjadi pilihan utama sebaliknya guru atau ustaz serta pendidik menjadi pilihan utamanya. Antara faktor tidak minat dalam bidang kerja sosial adalah kerana akta kerja sosial yang masih belum wujud, gaji yang rendah dan Malaysia tidak mendedahkan bidang kerja sosial sebagai kerjaya profesional.

*“..Kerjaya kerja sosial tidak menjadi pilihan utama saya kerana wujud pelbagai masalah serta cabaran yang dihadapi oleh pekerja sosial..tidak wujudnya akta Kerja sosial di Malaysia, gaji yang rendah dan Malaysia tidak mendedahkan kerjaya ini sebagai kerjaya profesional menyumbang kepada hilang minat saya untuk mencari bidang kerja sosial..Saya rasa jika ada penambahbaikan dalam Profesional kerjaya kerja sosial, saya yakin bakal pekerja sosial yang kompeten akan dapat dilahirkan dengan jumlah yang ramai ”*

Hasil kajian memberikan input persiapan kepada tenaga pengajar untuk bersiapsiaga

memberi kesedaran kepada pelajar menerapkan amalan nilai dalam diri setiap pelajar kerja sosial sebagai satu langkah persediaan untuk menempuh laluan kerjaya selepas tamat pengajian. Tenaga pengajar boleh mengkaji semula di mana kekurangan dan kelemahan pelajar seperti menilai semula mengapa ramai graduan kerja sosial menganggur walhal kerja sosial ini telah diberikan ilmu pengetahuan, nilai dan teori berdasarkan pengalaman agar pelajar sentiasa bermotivasi. Maka, para pensyarah perlu meneliti masalah ini untuk mencari penyelesaian terhadap pelajar kerja sosial untuk memberikan intervensi yang terbaik kepada pelajar. Pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial adalah disebabkan masalah kesediaan kerjaya yang rendah seperti minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang menyebabkan pelajar kerja sosial tidak mencapai tahap kesediaan kerjaya yang tinggi semasa menuntut pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Pilihan bidang kerjaya yang bukan dalam bidang kerja sosial tetapi pengetahuan, nilai dan praktis kerja sosial dapat membantu pelajar dalam pilihan kerja sebagai guru/ustaz, chef, polis dan usahawan amat relevan kerana semua jenis kerjaya yang dinyatakan mempunyai elemen kemahiran menolong dan meningkatkan kefungsian sosial serta kebarangkalian dapat meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

Walaubagaimanapun pengkaji mendapati bahawa penerapan ilmu pengetahuan, nilai profesionalisme yang terdiri daripada mengutamakan hak klien sebagai individu,

praktis sesuai dengan kes, nilai komitmen terhadap kebajikan dan keadilan sosial serta nilai berasaskan agama dan moral merupakan tunjang utama yang boleh diaplikasi semua bidang kerjaya yang dipilih oleh informan selepas menamatkan pengajian. Bahkan graduan program kerja sosial memilih kerjaya luar bidang kerja sosial tetapi mereka boleh menjadi penggerak sosial atau katalis membantu jabatan kebajikan masyarakat merealisasikan akta kerja sosial menjadi kenyataan diperingkat negara. Alumni dan graduan program kerja sosial amat perlu bagi penjenamaan semula pengamal kerja sosial dalam memperkasa perjawatan bidang kerja sosial di Malaysia setaraf di peringkat asean dan antarabangsa (Muhs Dhamir, 2019).

### c. Kerjaya Pilihan Bebas

Kerjaya pilihan bebas merupakan kerjaya tiada pilihan yang dipilih oleh informan. Sebagai contohnya, informan meletakkan kerjaya pilihan bebas seperti tidak tahu dan tidak pasti serta tiada kerjaya menjadi pilihan informan dan menyerahkan pada takdir serta rezeki. Hal ini dapat dilihat bahawa kerjaya bebas yang dipilih informan adalah sebagai jalan terakhir, kerana berkemungkinan informan tidak berminat dalam bidang kerja sosial ataupun tidak meletakkan matlamat mahupun hala tuju dalam hidup serta kurangnya motivasi dalam kesediaan kerjaya di masa hadapan. Kebarangkalian kerjaya pelbagai ini menjadi pilihan disebabkan oleh informan juga memiliki pointer atau PNGK yang agak rendah untuk memilih pekerjaan di agensi kerajaan atau swasta.

Jadual 4: Kerjaya Informan Pilihan Bebas

Bil	Kerjaya Pilihan Bebas	Informan
1.	Tidak tahu/ Tidak pasti	7
2.	Ikut Rezeki	10

Menurut informan 7, informan berasa tidak pasti dan yakin akan masa depannya kerana tidak tahu apakah kerjaya yang menjadi pilihan utama. Faktor kurang minat menjelaskan lagi tahap kesediaan kerjaya. Antara punca yang menyebabkan informan tiada motivasi adalah kerana kekurangan pengetahuan untuk mengetahui proses dan laluan kerjaya setelah tamat pengajian. Informan ini menyatakan hilangnya minat dalam kerja sosial ini adalah kerana bidang kerja sosial ini banyak menumpukan pembelajaran ilmu teori di bilik kuliah berbanding praktikal di luar kampus.

*“...Saya tidak tahu dan tidak pasti apakah kerjaya pilihan utama saya..Saya buntu memikirkan nasib saya.. Saya akui saya kurang ilmu pengetahuan terhadap proses dan laluan kerjaya kerja sosial..Saya juga akui kurang minat dengan bidang kerja sosial kerana banyak mempelajari ilmu teori dalam bilik kuliah berbanding praktikal di luar kelas..”*

Berdasarkan kenyataan oleh informan, pengkaji tahu bahawa kebanyakan pelajar kerja sosial kurangnya motivasi dan pendedahan tentang kesediaan kerjaya. Pengkaji mendapati informan ini memerlukan ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran agar mempunyai kesediaan kerjaya yang tinggi dalam bidang kerjaya yang ingin diceburi setelah tamat pengajian kelak.

Secara keseluruhan, langkah dan proses kesedian kerjaya perlu diberikan kepada pelajar kerja sosial untuk meneruskan perjuangan dalam bidang kerjaya. Para pelajar perlu bersiap sedia berdasarkan nilai dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam praktis kerja sosial. Menurut Biestek (1957), ia memberikan contoh bahawa prinsip-prinsip kerja sosial ini sebagai satu kerja yang sangat digalakkan oleh setiap agama dalam memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan. Oleh itu, pelajar kerja

sosial perlu bersedia dari segi ketahanan emosi dan ketahanan diri sendiri, skop pengetahuan, nilai, kemahiran, dan teknik praktis kerja sosial dalam memberikan bantuan dan perkhidmatan terbaik kepada klien. Pensyarah kerja sosial juga seharusnya mengemaskini dan menambahbaikkan teknik pengajaran serta pembelajaran supaya mereka berupaya untuk menyampaikan kandungan kursus dengan baik. Kursus kemahiran tambahan untuk pensyarah di mana setiap pensyarah kerja sosial perlu mengendalikan kes-kes sosial dan menguasai pelbagai kemahiran praktis harus dilaksanakan. Perkara ini dicadangkan agar para pensyarah tidak terikat dengan ilmu dan teori dari barat semata-mata malah berupaya untuk mengaplikasikan segala kemahiran dan pengalaman dari kursus tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran (Muhs Dhamir, 2019).

## Rumusan dan Cadangan

Kajian ini secara tidak langsung dapat memberikan cadangan perancangan kurikulum kepada tenaga pengajar untuk bersiap sedia memberi kesedaran awal kepada pelajar untuk bertungkus lumus semasa di alam universiti serta menerapkan amalan nilai, etika, profesionalisme dan kompeten dalam diri sebagai satu langkah persediaan untuk menempuh alam kerjaya selepas tamat pengajian. Tenaga pengajar boleh mengkaji semula di mana kekurangan dan kelemahan pelajar seperti menilai semula mengapa ramai graduan kerja sosial menganggur walhal kerja sosial ini telah diberikan ilmu pengetahuan, nilai dan teori berdasarkan pengalaman agar pelajar sentiasa bermotivasi. Maka, para pensyarah perlu meneliti masalah ini untuk mencari penyelesaian terhadap pelajar kerja sosial untuk memberikan intervensi yang terbaik kepada pelajar.

Kajian ini telah memberikan beberapa maklumat asas mengenai faktor-faktor

yang mendorong kepada kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial di UKM dan cadangan pembelajaran dan program yang berkesan bagi mendorong tahap kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial di UKM. Artikel ini mencapai objektif yang ingin dilihat oleh pengkaji iaitu dengan memperolehi latar belakang demografi Informan seperti umur, jantina, agama, bangsa, PNGK, hobi dan cita-cita. Selain itu, pengkaji juga telah mengkaji kerjaya pilihan yang menjadi pilihan utama Informan. Hasil kajian mendapati Informan memilih 3 bidang kerjaya pilihan iaitu kerjaya dalam bidang kerja sosial, kerjaya luar bidang kerja sosial dan kerjaya bebas. Kajian ini telah mencapai objektif kajian yang ingin meneroka secara mendalam mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada kesedian kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial di UKM. Pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial adalah disebabkan masalah kesediaan kerjaya yang rendah seperti minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang menyebabkan pelajar kerja sosial tidak mencapai tahap kesediaan kerjaya yang tinggi semasa menuntut di Institusi Pengajian Tinggi.

Disamping itu juga, artikel ini juga telah mencapai objektif di mana masalah kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial sebenarnya dapat diukur dengan memastikan faktor minat pelajar kerja sosial perlulah berada di tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati terdapat informan yang berminat dengan kerjaya kerja sosial namun kurang pendedahan diberikan mengenai laluan dan halatuju kerjaya serta faktor kekurangan motivasi dan kadangkala putus asa menyebabkan Pelajar kerja sosial tidak mampu menghadapi cabaran-cabaran yang melanda. kerja sosial kadangkala kurang berminat dengan Kerja sosial oleh kerana masalah kesediaan kerjaya yang melanda

terutamanya masalah faktor luaran mereka iaitu berdasarkan maklumat yang diperoleh oleh informan mengenai masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Pelajar kerja sosial. Sebagai contohnya, jaminan pekerjaan kerjaya kerja sosial, cabaran kerjaya kerja sosial di setting berbahaya, Akta Kerja sosial yang belum dilaksanakan, faktor keluarga, faktor kejiranan, faktor rakan sebaya dan faktor masa depan kerjaya sosial serta kekurangan persediaan seperti pengetahuan, kemahiran dan pengalaman telah menyumbangkan tahap minat pelajar kerja sosial menjadi rendah dan sederhana disebabkan masalah masalah yang melanda diri Pelajar kerja sosial.

Seterusnya, artikel ini juga mencadangkan penambahbaikan program bagi mengatasi masalah kesediaan kerjaya dalam kalangan Pelajar kerja sosial. Hasil kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk memastikan masa depan pelajar kerja sosial akan lebih cerah tanpa ada masalah pengangguran. Manakala, cadangan dan penambahbaikan program pula secara tidak langsung dapat menangani isu kesediaan kerjaya dalam kalangan pelajar kerja sosial. Cadangan program yang telah diberikan oleh Pengkaji dan Informan pula secara tidak langsung dapat menjadi panduan dan rujukan kepada Pihak Universiti untuk membuat persiapan dan persediaan ke arah hala tuju dan masa depan kerjaya kerja sosial terhadap pelajar kerja sosial agar masalah pengangguran dalam kalangan pelajar kerja sosial tidak akan sama sekali wujud setelah tamat pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian ini dijadikan panduan dan penambahbaikan kepada Ketua Program, Dekan Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan dan Pengurusan Tertinggi UKM untuk menyediakan program-program pembangunan kerjaya dan kaunseling untuk pelajar tahun 1 sebagai persediaan peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian kelak. Cadangan kepada penggubal akta dan undang-

undang untuk membuat penambahbaikan dalam isu kerja sosial dan memberikan jaminan pekerjaan kepada pelajar kerja sosial agar tidak menganggur selepas tamat pengajian kelak.

### Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh pelajar prasiswazah Program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

### Rujukan

- Abdullah, N. H. (2001). *Kajian Terhadap Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa*. Tesis pelajar Siswazah yang Tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn. Malaysia.
- Abdul Ghani, F. & Ahmad Kamil, N. R. (2011). *Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Bidang Perguruan di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2009). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2008. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Biestek, F. P. (1957). *The Casework Relationship*. Chicago: Loyola University Press.
- Brahim, S., Mohamad, M.S., Zakaria, E. Dan Sarnon@Kusenin, N. (2016). Dilema praktis kerja sosial: Pendekatan managerialis vs berfokus klien. *Prosiding persidangan kelestarian insan 2016*, Pekanbaru Riau, Indonesia.
- Frost, E., Höjer, S. & Campanini, A. (2012). Readiness for practice: Social work students' perspectives in England, Italy and Sweden. *European Journal of Social Work*. Vol. 16 (3): 327-343.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2009). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2008*. Kuala Lumpur. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Khadijah Alavi, Nur Hanis Hazlan & Norasyiqah Fauze. (2019). Latihan industri berpaksakan vokasional penjagaan warga emas dalam kursus kerja sosial gerontologi, FSSK, UKM. *AJTHER* Vol. 11 (1): 28-57.
- Mohd Izwan Mahmud Izwan, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad Ikmal & Wan Marzuki Wan Ahmad. (2016). *Modul kesediaan kerjaya berdasarkan teori cognitive information processing (cip)*. Halaman 1-17. Serdang: Univerisiti Putra Malaysia.
- Muhd Dhamir Audi Azizul dan Samir Muazzab Amin. (2019). Pendidikan kerja sosial di Malaysia: Satu Penilaian kritikal. *Jurnal Kemanusiaan*. UTM Johor. Vol. 17 (2): 20-26.
- Norida, A., Mohd Tajudin, N., Kalthom, H., Jano, Z., Sharif, M., & Shahrulanuar, M. (2014). Model of self-esteem, job-search intensity and career decision-making self-efficacy for undergraduate students. *Dlm Proceedings of the International Conference on Science, Technology and Social Sciences (ICSTSS) 2012*(hh. 257–265).
- Orme, J., MacIntyre, G., Green Lister, P., Cavenagh, K., Crisp, B. R,

- Hussein, S., Manthorpe, J., Moriarty, J., Sharpe, E. & Stevens, M. (2009) ‘What a difference a degree makes: the evaluation of the new social work degree in England’. *British Journal of Social Work*. vol. 39, no. 1, pp. 167-178.
- Zairoslawanee Binti Zaib. (2014). *Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan*. Tesis pelajar Siswazah yang Tidak diterbitkan. halaman 1-42 .Universiti Tun Hussein Onn Malay